

14 MAY 1996  
Muhyiddin-Formula  
PM SETUJU MENGENAI CADANGAN ANJUR FORMULA 1

PETALING JAYA, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju pada dasarnya mengenai cadangan mengadakan perlumbaan kereta Formula 1 di sini, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, beliau dimaklumkan oleh Dr Mahathir mengenai perkara itu dalam mesyuarat kabinet minggu lepas.

"Bagaimanapun, kita belum dapat menetapkan tarikh pelaksanaannya kerana cadangan itu masih pada peringkat awal. Setakat ini kita baru menerima lampu hijau daripada Perdana Menteri untuk merealisasikan cadangan itu," katanya selepas perasmian seminar Keselamatan di Dalam Stadium anjuran bersama Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) di sini hari ini.

Muhyiddin berkata kerja-kerja pembinaan litar lumba Formula 1 itu telah dipertanggungjawabkan kepada Malaysia Airports Berhad (Malaysia Airports) yang dipengerusikan Tan Sri Basir Ismail.

"Litar lumba itu dicadangkan pembinaannya di Sepang," katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan serta penganjuran perlumbaan Formula 1 itu meskipun ia bersetuju untuk membawa perlumbaan Formula 1 itu ke sini.

Ia akan diuruskan sepenuhnya oleh Malaysia Airports dan kerajaan akan memberi bantuan yang perlu dalam pelaksanaannya, katanya.

Muhyiddin berkata sebelum ini Perdana Menteri telah berbincang dengan Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) mengenai hasrat Malaysia untuk membawa Formula 1 ke sini dan susulannya akan diteruskan oleh Basir.

"Susulan kepada perbincangan itu akan dilakukan oleh Basir untuk mendapatkan gambaran serta pandangan daripada FIA sebelum cadangan itu dilaksanakan sepenuhnya," katanya. -- BERNAMA

AHA AKD